

Penyakit Pokok Koko Muda

Nota

Elakkan air bertakung berhampiran pokok kecil bagi mengelakkan penyakit

Pokok muda di nurseri perlu dipastikan hidup dengan sihat dan bebas dari sebarang penyakit sebelum dipindahkan ke ladang bagi mengelakkan kematian. Kebanyakan penyakit pokok muda di nurseri disebabkan oleh jangkitan kulat. Keadaan lembap di dalam nurseri sangat menggalakkan pertumbuhan kulat, dan seterusnya jangkitan ke atas anak pokok. Antara penyakit yang lazim menyerang di nurseri ialah penyakit matirosot jejalur vaskular (VSD), lecur daun, bintik-bintik daun dan penyakit akar.

1

PENYAKIT MATIROSOT JEJALUR VASKULAR (VSD)



- Disebabkan kulat *Ceratobasidium (Oncobasidium) theobromae*
- Anak pokok koko yang diserang akan mati kekeringan
- Elakkan mendirikan nurseri di atas tapak yang berhampiran dengan ladang yang telah dijangkiti penyakit VSD sebelumnya
- Kawalan menggunakan semburan racun kulat dengan bahan aktif Propiconazole atau Hexaconazole

Simptom Penyakit Matirosot Jejalur Vaskular

2

PENYAKIT LECUR DAUN



- Disebabkan kulat *Phytophthora palmivora*
- Keadaan yang terlalu lembap sangat menggalakkan pertumbuhan dan jangkitan kulat ini ke atas anak benih
- Elakkan menyiram anak benih berlebihan dan hindarkan air bertakung di dalam nurseri
- Kawalan menggunakan semburan racun kulat yang mengandungi kuprum atau bahan aktif Metalaxyl



Simptom Penyakit Lecur Daun

3

PENYAKIT BINTIK-BINTIK DAUN



- Disebabkan kulat *Colletotrichum sp* dan *Gloeosporium sp*
- Bintik-bintik ini akan membesar dan bercantum antara satu dengan yang lain dan seterusnya melayukan daun
- Elakkan mengatut anak benih terlalu rapat bagi mengelak kelembapan yang tinggi
- Kawalan menggunakan racun kulat apabila penyakit mulai mendatarikan masalah

Simptom Penyakit Bintik Daun

4

PENYAKIT AKAR KOKO

- Disebabkan kulat *Rigidoporus lignosus* di mana anak benih menjadi layu dengan tiba-tiba dan akhirnya mati kekeringan
- Pada akarnya terdapat rizomorfa kulat
- Elakkan benda asing seperti kayu di dalam polibeg
- Siram dengan racun kulat Tetraconazole atau Hexaconazole



Simptom Penyakit Akar Koko

Nota : Penjagaan koko terutama ketika di nurseri perlu dilakukan dengan berhati-hati. Elakkan takungan air di dalam nurseri ataupun menyiram polibeg secara berlebihan bagi mengelakkan pembiakan kulat. Apabila pokok muda mula dipindahkan ke kebun, sebaiknya sediakan parti kecil bersesuaian terutama di kawasan yang sering mengalami masalah banjir bagi mengelakkan takungan air.